

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, May 28, 2019 10:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Anugerah Best Practice In Leadership Outstanding Chapter Award 2019 Tiba Di UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

28 MEI 2019 / 23 RAMADAN 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

ANUGERAH BEST PRACTICE IN LEADERSHIP OUTSTANDING CHAPTER AWARD 2019 TIBA DI UUM



UUM ONLINE: Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah menerima Anugerah Best Practice in Leadership Outstanding Chapter Award 2019 yang diterima Beta Gamma Sigma (BGS) Chapter UUM pada Majlis Penghargaan Dekan Beta Gamma Sigma sempena Persidangan AACSB International Conference and Meeting (ICAM 2019) di Edinburgh, Scotland, baru-baru ini.

Penyerahan anugerah tersebut disampaikan oleh Penyelaras BGS, Dr. Faizatul Akmar Abdul Nifa kepada Naib Canselor dengan disaksikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali dan Timbalan Dekan PPA COB, Dr. Muhammad Rosni Amir Hussin di Bilik Mesyuarat Naib Canselor, semalam.

Anugerah tersebut merupakan satu penghormatan yang tinggi kepada BGS Chapter UUM kerana menjadi satu-satunya Chapter BGS dari Asia yang tersenarai sebagai penerima anugerah Outstanding Chapter 2019 daripada 600 Chapter BGS di 190 negara seluruh dunia.

Pada masa sama, pengiktirafan itu juga membuktikan komitmen BGS Chapter UUM yang tersenarai sebagai Highest Honor Chapter 17-18 dalam memastikan pelbagai peluang disediakan untuk memupuk peningkatan sahsiah diri dan kepimpinan dalam kalangan ahli.

Anugerah ini telah melayakkan BGS Chapter UUM menerima Biasiswa Beta Gamma Sigma bernilai USD500 untuk dianugerahkan kepada pelajar BGS yang cemerlang dan berkelayakan.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.